


Maf'ul Mutlaq

Pada dasarnya, *maf'ul mutlaq* (المَفْعُولُ الْمُطْلَقُ) ialah subtajuk bagi *mafa'il* dalam nahu Arab. Majoriti sarjana linguistik mendefinisikan *maf'ul mutlaq* sebagai kata nama terbitan (اسْمُ الْمَصْدَرِ) *mansub* yang mengulang ungkapan kata kerja pada awal ujaran.

Contohnya, firman Allah SWT dalam *Surah al-Waqi'ah* ayat 6, (إِنَّا أَنْشَأْنَاهُنَّ إِنْشَاءً) yang bermaksud, “Sesungguhnya Kami menciptakan mereka (bidadari) dengan sebenar-benar ciptaan.” Ayat ini menceritakan tentang penciptaan bidadari yang dijadikan secara langsung tanpa proses kelahiran. Dalam ayat ini, terdapat repetisi antara kata kerja (أَنْشَأْنَا) dengan kata terbitan (إِنْشَاءً) yang *mansub* sekali gus mengisyaratkan bahawa ada ciri *maf'ul mutlaq* yang melatari kata *إِنْشَاءً*.

Sa'id al-Afghani dalam karyanya, *al-Mujiz fi Qawa'id al-Lughah al-'Arabiyyah* menegaskan bahawa elemen *maf'ul mutlaq* datang dengan tujuan tertentu sebagaimana yang dipaparkan dalam rajah yang berikut:



Rajah Fungsi *maf'ul mutlaq*.

Penerapan elemen *maf'ul mutlaq* dalam sesuatu ujaran bertujuan untuk menegaskan perlakuan. Fungsi ini datang dengan kekerapan penggunaan tertinggi kerana hampir 14 ayat al-Quran mengisyaratkan kepada tujuan tersebut. Contohnya, ayat 16 *Surah al-Isra'* (فَدَمَّرْنَاَهَا تَدْمِيرًا) menjelaskan tentang perlakuan Allah SWT yang menghancurkan suatu negeri (فَدَمَّرْنَاَهَا) disebabkan oleh kekufuran penduduknya. Perlakuan ini ditegaskan dengan kata *تَدْمِيرًا* yang mengulangi kata

kerja sebelumnya sekali gus mengisyaratkan bahawa adanya elemen *maf'ul mutlaq* dalam ayat berkenaan.

Selain itu, terdapat 11 ayat al-Quran yang menyerlahkan elemen *maf'ul mutlaq* dengan fungsi penerangan jenis perlakuan. Elemen *maf'ul mutlaq* kategori ini pada kebiasaannya dalam bentuk gabungan antara kata terbitan dengan kata sifat yang bercirikan *tawabi'*. Contohnya, *Surah al-Furqan* ayat 52 (وَجَاهِدْهُمْ بِهِ جِهَادًا كَبِيرًا) menjelaskan tentang perjuangan menghadapi golongan kafir dengan menggunakan hujah al-Quran. Ayat ini menunjukkan terdapat pengulangan leksikal antara kata *جِهَادًا* dengan *جَاهِدْ*. Maka itu, kata *جِهَادًا* datang dengan *mansub* memandangkan fungsinya sebagai *maf'ul mutlaq* yang bertujuan untuk menerangkan jenis perjuangan. Hal ini dikesan apabila terdapat kata sifat *كَبِيرًا* (yang besar), iaitu *mansub* dengan *tawabi'* sekali gus mengisyaratkan kepada fungsi penerangan perlakuan (perjuangan yang besar).

Begitu juga *Surah al-Isra'* ayat 23 (وَقُلْ لَّهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا) yang menceritakan adab berinteraksi dengan ibu bapa. Jika diamati, ada repetisi antara kata *قَوْلًا* (ucapan) dengan kata perintah *قُلْ* (ucapkanlah) sekali gus mengisyaratkan kepada elemen *maf'ul mutlaq*. Penerapan kata sifat *كَرِيمًا* (yang mulia), iaitu *mansub* dengan *tawabi'* menunjukkan bahawa fungsi *maf'ul mutlaq* (قَوْلًا) dalam ayat tersebut bertujuan untuk menerangkan jenis perlakuan, iaitu percakapan yang mulia.

Selain itu, elemen *maf'ul mutlaq* juga datang dengan tujuan untuk menerangkan bilangan suatu perlakuan, dan terdapat tiga ayat al-Quran yang mengisyaratkan kepada fungsi berkenaan. Contohnya, ayat 102 *Surah al-Nisa'* (فَيَمِيلُونَ عَلَيْكُمْ مَيْلَةً وَاحِدَةً) menjelaskan tentang objektif golongan kafir, iaitu menyerbu golongan mukmin dengan serentak dan hal ini berkisarkan bilangan perlakuan menyerbu. Maka itu, tidak hairanlah apabila adanya elemen *maf'ul mutlaq* *مَيْلَةً* (serbuan) yang digandingkan dengan kata *وَاحِدَةً* (satu) sekali gus mengisyaratkan kepada serbuan serentak. ۞